

# KOMPAS IRIS

LAPORAN & ANALISA BULANAN  
EDISI 2 | 2019



# Isi Kandungan

Prakata	4
Ringkasan Eksekutif	5
Pendahuluan	7
Analisa Isu-isu Strategik	
<b>Risiko Pilihan Raya PBT: Kerajaan Tempatan didominasi</b>	
1. <b>Cina, Pengecilan Kuasa Kerajaan Negeri Dan Sultan</b>	10
Pendahuluan	10
Usaha Menghidupkan semula Pilihan Raya PBT oleh Kerajaan	
Pakatan Harapan	11
Kaum Cina dan India menguasai demografi di Bandar- Bandar	
besar yang strategik	12
Exco Kerajaan Tempatan di negeri Pakatan Harapan adalah	
daripada DAP	13
Implikasi menghidupkan semula Pilihan Raya PBT	13
Rumusan	15
<b>Penswastan Sektor Perkhidmatan Awam di Malaysia:</b>	
2. <b>Kerajaan Baru dikuasai oleh Para Pemodal Kapitalis Swasta</b>	16
Pendahuluan	16
Dasar Penswastan dan Negara Berpendapatan Tinggi	17
Tahap-tahap dan proses penswastan	18
Sejarah Dasar Penswastan di Malaysia	18
Penglibatan Syarikat Multinasional Antarabangsa dan Pertambahan	
Sektor Perkhidmatan Awam yang diswastakan	19
Penjualan Aset Kerajaan sebagai langkah Penswastan	20
Implikasi Dasar Penswastan	21
Rumusan	22
<b>Desentralisasi Pendidikan bakal memperkukuh ‘Malaysian</b>	
3. <b>Malaysia, ancaman kepada Identiti Melayu</b>	23
Pendahuluan	23
Latar Belakang	23
Implikasi Politik: Membina Naratif ‘Malaysian Malaysia’	
berteraskan multikulturalisme dalam Identiti Negara	26
Implikasi Ekonomi: Campur tangan kapitalis dalam Pendidikan,	
dana kerajaan diagih untuk pendidikan Cina	28

	Implikasi Desentralisasi Pendidikan kepada Orang Melayu	30
	Rumusan	31
<b>4.</b>	<b>Isu Federalisme Malaysia: Memahami aktor dan tuntutan dalam isu Pemisahan Sabah dan Sarawak</b>	<b>32</b>
	Pendahuluan	32
	Latar Belakang	32
	Aktor dan tuntutan autonomi Sabah dan Sarawak	34
	Aktor dan tuntutan separatisme Sabah dan Sarawak	35
	Aktor Proksi berselindung di sebalik Gerakan Pemisah	37
	Negara Dayak: Manifestasi kesatuan agenda puak separatis Sabah dan Sarawak	38
	Rumusan	40

# Prakata

Laporan ini merupakan penulisan analitikal para penyelidik IRIS Institute tentang isu-isu strategik yang mempunyai implikasi besar dalam setiap bidang utama. Ia memandu para pembaca untuk memahami pelbagai peristiwa yang berlaku dalam kerangka strategik yang autentik. Melalui analisa ini, pembaca akan memperolehi perspektif yang betul dan tajam dalam menilai isu serta memandu pembaca berfikir dan merancang dalam halatuju yang tepat.

Setiap laporan akan menceritakan kronologi peristiwa-peristiwa signifikan secara terperinci. Kemudian analisa terhadap implikasi yang akan berlaku kesan daripada perkembangan ini akan dihuraikan secara tuntas.

**Asyraf Farique**

Ketua Editor

# Ringkasan Eksekutif

Penulisan Kompas edisi ini akan melihat sejauh mana desentralisasi kuasa menjadi salah satu strategi untuk merombak status quo politik di Malaysia, yang secara umumnya didominasi oleh orang Melayu. Lebih spesifik, adakah desentralisasi kuasa ini merupakan pintu untuk liberalisasi yang lebih meluas dalam penglibatan politik dan penentuan polisi, khususnya dalam kalangan warga bukan Melayu? Adakah proses desentralisasi kuasa ini suatu strategi untuk mengecilkan kuasa kerajaan pusat dengan mewujudkan sebuah kerajaan terhad (*limited government*)? Adakah proses ini akan memberikan lebih peluang kepada pihak kapitalis dan kuasa luar untuk mengawal hala tuju negara?

Kajian menunjukkan sekiranya pilihanraya kerajaan tempatan berjaya dihidupkan semula, kuasa sultan akan semakin terhakis bagi negeri-negeri yang mempunyai sultan. Hal ini boleh berlaku melalui usaha DAP menguasai kawasan-kawasan bandar yang strategik.

Selain itu proses penswastaan yang sedang giat dijalankan di seluruh negara melalui penjualan aset-aset pegangan Khazanah milik kerajaan kepada pihak swasta meningkatkan risiko negara berada dalam kawalan para pemodal kapitalis swasta. Kuasa dan peranan kerajaan akan semakin mengecil, apabila tugas kerajaan dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat telah diberikan kepada para pemodal kapitalis swasta. Akibatnya kerajaan tidak lagi berdaulat kerana terikat dengan kepentingan para pemodal kapitalis ini. Rakyat akan dieksploitasi

dan terpaksa mengikut sistem peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak kapitalis swasta dalam setiap bidang berkaitan.

Bagi Sabah dan Sarawak, terdapat pola yang menunjukkan kepada usaha membawa keluar negeri-negeri itu daripada Malaysia dengan mewujudkan sebuah kerajaan Dayak Borneo. Kajian mendapati kumpulan seperatis Dayak yang lantang memperjuangkan sebuah negara Borneo menjadi proksi kepada Cina DAP dan juga pihak Evangelis Kristian.

Akhir sekali, desentralisasi pendidikan akan membuka ruang yang besar bagi pengukuhan naratif '*Malaysian Malaysia*' yang dibawa oleh DAP. Selain itu, desentralisasi pendidikan ini membolehkan kaum Cina menarik dana kerajaan bagi menampung hasrat keperluan pendidikan Cina yang selama ini berkisar dalam institusi pendidikan swasta. Kelompok kapitalis juga akan memiliki banyak pintu-pintu peluang untuk campur tangan dalam pendidikan Malaysia. Kesemua ini akan mewujudkan kesan sosial yang akan meningkatkan lagi jurang dalam strata sosial mengikut kaum dan geografi. Orang Melayu akan semakin ketinggalan dalam ekonomi dan pendidikan.

# Pendahuluan

Dalam acuan sistem negara bangsa pada hari ini, terdapat beberapa bentuk sistem perkongsian kuasa dalam kerajaan yang diamalkan di dunia, antaranya adalah kerajaan persekutuan (federalisme), kesatuan (unitary) dan konfederasi (confederation).

Malaysia mengamalkan sistem kerajaan persekutuan (federalisme) yang terbentuk hasil gabungan antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri atau kerajaan tempatan. Berbeza dengan sistem kerajaan kesatuan seperti yang diamalkan di negara-negara seperti Britain, New Zealand, Perancis, Denmark dan Indonesia, kerajaan pusat dalam kerajaan persekutuan tidak memiliki kuasa mutlak. Setiap peringkat kerajaan mempunyai kuasa autonomi sendiri dalam bidang-bidang tertentu.

Oleh sebab itu, dalam sistem kerajaan persekutuan, tema hubungan antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri adalah tema yang penting dalam mengukur tahap kestabilan sesebuah kerajaan persekutuan, salah satunya melalui isu desentralisasi kuasa.

Desentralisasi kuasa boleh didefinisikan sebagai *"transfer of powers and resources from higher to lower levels in a political system"* (pemindahan kuasa dan sumber daripada peringkat sistem politik yang lebih tinggi kepada peringkat yang lebih rendah). Bank Dunia membahagikan desentralisasi kuasa ini kepada 4 pembahagian iaitu secara politik, pentadbiran, fiskal dan pasaran.

<b>Jenis Desentralisasi</b>	<b>Takrif</b>	<b>Contoh Isu</b>
Desentralisasi Politik	Perpindahan kuasa politik daripada kerajaan pusat/negeri kepada rakyat dalam melantik wakil tempatan mereka	Menghidupkan semula Pilihan Raya Kerajaan Tempatan (PBT)
Desentralisasi Pentadbiran	Perpindahan autoriti pembuat keputusan, tanggungjawab, sumber manusia daripada kerajaan pusat kepada pentadbir dalam entiti subnational yang pelbagai seperti kerajaan tempatan, sektor kementerian, agensi untuk melaksanakan servis awam seperti pendidikan, kesihatan, kebajikan sosial dan lain-lain.	Pengecilan saiz penjawat awam, Autonomi pentadbiran kepada kerajaan negeri dalam mengutip hasil cukai
Desentralisasi Fiskal	Peringkat kerajaan yang lebih bawah memiliki autonomi dan kuasa untuk mentadbir kewangan mereka	Geran dana yang diberi oleh kerajaan pusat kepada kerajaan negeri
Desentralisasi Pasaran	Desentralisasi pasaran dikatakan sebagai bentuk paling sempurna desentralisasi kerana perpindahan kuasa dan tanggungjawab daripada kerajaan kepada sektor swasta.	Penswastan perbadanan awam kepada syarikat swasta

Pada pilihan raya ke-14 yang lalu, kerajaan Pakatan Harapan mengeluarkan beberapa janji dalam manifesto bertemakan hubungan antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri. Ini boleh dilihat dalam Janji ke-24 untuk menghidupkan semangat sebenar konsep federalisme, janji ke-25 untuk memperkukuh peranan dan kuasa pihak berkuasa tempatan dan janji ke-47 desentralisasi kuasa kepada Sabah dan Sarawak. Bagi merealisasikan janji-janji ini terdapat beberapa usaha desentralisasi kuasa yang telah dan sedang dijalankan oleh kerajaan Pakatan Harapan. DAP antara parti komponen di dalam kerajaan Pakatan Harapan giat mempromosikan usaha desentralisasi ini.

Dalam melihat perkembangan isu desentralisasi kuasa ini, empat tajuk utama



dalam setiap bidang telah dipilih untuk dikupas pada kali ini:

1. Risiko Pilihan Raya PBT: Kerajaan Tempatan didominasi Cina, Pengecilan Kuasa Kerajaan Negeri Dan Sultan
2. Penswastaaan Sektor Perkhidmatan Awam Di Malaysia: Kerajaan Baru dikuasai oleh Para Pemodal Kapitalis Swasta
3. Desentralisasi Pendidikan Bakal Memperkukuh Naratif 'Malaysian Malaysia', Ancaman Kepada Identiti Melayu
4. Isu Federalisme Malaysia: Memahami Aktor Dan Tuntutan Dalam Isu Pemisahan Sabah Dan Sarawak

# Risiko Pilihan Raya PBT: Kerajaan Tempatan didominasi Cina, Pengecilan Kuasa Kerajaan Negeri dan Sultan

*Oleh: Asyraf Farique*

## **Pendahuluan**

Kerajaan tempatan adalah satu konsep pentadbiran baru berasaskan desentralisasi kuasa politik yang telah diperkenalkan oleh British di Tanah Melayu semenjak tahun 1800. Konsep ini diperkenalkan oleh British untuk menghapuskan corak pemerintahan tradisional dengan menghadkan dan memecahkan bidang kuasa politik sultan ke atas negeri-negeri jajahannya dan mewujudkan satu unit politik yang baru.

Untuk menambah autonomi kuasa kerajaan tempatan dan mengurangkan kuasa sultan, Pilihan Raya Kerajaan Tempatan (PBT) telah diperkenalkan pada tahun 1950 bermula di Negeri-Negeri Selat dan diperluaskan ke negeri-negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu. Pada tahun 1965 Kerajaan Persekutuan telah menggantung pelaksanaannya melalui undang-undang darurat.

Usaha untuk menghidupkan semula pilihan raya PBT telah dikempenkan secara aktif oleh DAP sebelum Pilihan Raya Umum ke-14. Ini adalah usaha menghidupkan semula pilihan raya PBT sebagai salah satu strategi untuk merombak status quo politik orang Melayu (dengan melemahkan kuasa kerajaan negeri serta autoriti sultan dalam kerajaan tempatan). Sehubungan dengan itu, pilihan raya PBT ini juga bakal mewujudkan sebuah kerajaan Cina tempatan yang baru dikuasai oleh DAP.

## **Usaha Menghidupkan semula Pilihan Raya PBT oleh Kerajaan Pakatan Harapan**

Kerajaan tempatan di Malaysia selepas merdeka sehingga kini telah mengalami beberapa perubahan dan pindaan dari segi kedudukan, kuasa dan peranannya. Sejarah pilihan raya kerajaan tempatan selepas kemerdekaan boleh dilihat melalui suatu sistem baru yang diperkenalkan pada tahun 1960 melalui Akta Pilihan Raya Kerajaan Tempatan. Melalui Akta ini, pilihan raya bagi ahli Majlis Kerajaan Tempatan hendaklah diadakan tiga tahun sekali.

Pilihan raya yang pertama di bawah sistem ini berlaku pada pertengahan tahun 1961. Pada tahun 1976, Akta Kerajaan Tempatan telah digubal untuk menyemak semula undang-undang hal ehwal kerajaan tempatan. Dalam konteks ini, kuasa perundangan dan pemerintahan kerajaan tempatan diletakkan bawah kerajaan negeri. Manakala kuasa kerajaan persekutuan terhad kepada membuat peraturan dalam menjamin persamaan undang-undang dan dasar bagi tiap-tiap penguasa tempatan.

Usaha untuk menghidupkan semula pilihan raya PBT giat dijalankan oleh kerajaan Pakatan Harapan selepas PRU ke-14. Sehingga kini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sudah melaksanakan tiga siri bengkel kajian kebolehlaksanaan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan (2018-2019). Kerajaan akan meminda beberapa undang-undang bagi melaksanakan semula Pilihan Raya Kerajaan Tempatan termasuk mengaktifkan semula Akta Pilihan Raya Kerajaan Tempatan 1960 (Pindaan 1991), meminda Seksyen 10 dan 15 Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan pindaan akta serta peraturan di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Pilihan

Raya (SPR) dan mewujudkan peraturan pilihan raya Kerajaan Tempatan.

### **Kaum Cina dan India menguasai demografi di Bandar-bandar besar yang strategik**

Berdasarkan kepada statistik kewangan pihak berkuasa tempatan mengikut negeri bagi tahun 2016 dan 2017, kaum Cina dan India mendominasi demografi penduduk di 10 Majlis Bandaraya/Perbandaran yang mempunyai pendapatan tertinggi seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Majlis Perbandaran Subang Jaya, Majlis Bandaraya Ipoh dan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri. Majlis Bandaraya dan Perbandaran ini mempunyai purata pendapatan kasar sebanyak RM 200 Juta ke atas setahun.

Jika dibandingkan dengan situasi demografi orang Melayu, kebanyakannya tertumpu di kawasan-kawasan bandar yang tidak strategik seperti di kawasan pinggir bandar dan juga kawasan-kawasan luar bandar. Kawasan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri Johor, kawasan-kawasan bandar seperti Iskandar Puteri, Skudai, Gelang Patah adalah majoritinya orang Cina, manakala kawasan kampung bertaraf mukim seperti Tanjung Kupang adalah majoritinya orang Melayu.

### **Exco Kerajaan Tempatan di negeri Pakatan Harapan adalah daripada DAP**

Pada 1 November 2006, ahli Parlimen DAP, Teresa Kok pernah mencadangkan di parlimen agar pilihan raya PBT diadakan semula. Pada tahun 2010, kerajaan negeri Pulau Pinang bercadang mengadakan semula pilihan raya PBT, dengan merujuk Perkara 113(4) dalam Perlembagaan

Persekutuan yang mengatakan kerajaan negeri boleh memberi kuasa kepada SPR untuk menjalankan pilihanraya lain daripada Pilihan Raya Umum. Lim Guan Eng berkata Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhak mengadakan pilihan raya untuk memilih ahli majlis bagi Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Prai. Walau bagaimanapun, pengerusi SPR pada ketika itu, Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof menyatakan pilihan raya itu mestilah melalui prosedur perundangan yang betul.

Sehingga kini, data menunjukkan DAP memiliki 30 orang ahli Exco Kerajaan Negeri, 450 orang Ahli Majlis dan 500 orang Ketua Kampung. Di negeri-negeri yang dimenangi oleh kerajaan Pakatan Harapan, Exco Kerajaan Tempatan adalah daripada DAP. Exco Kerajaan Tempatan Pulau Pinang, Selangor, Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Kedah adalah daripada DAP. Walau bagaimanapun jumlah ini masih lagi dianggap kecil dan jauh daripada sasaran sebenar DAP, kerana hanya satu jawatan Datuk Bandar bagi Malis Bandaraya Pulau Pinang di Semenanjung Malaysia berada di tangan mereka. Kebanyakan Majlis Bandaraya masih lagi dipegang oleh Datuk-Datuk Bandar Melayu.

### **Implikasi menghidupkan semula Pilihan Raya PBT**

Usaha menghidupkan semula pilihanraya PBT akan memberikan implikasi seperti berikut:

1. Kuasa kerajaan negeri dan autoriti sultan dalam pentadbiran kerajaan tempatan akan mengecil. Menurut Akta Kerajaan Tempatan 1976, ahli PBT dilantik oleh pihak berkuasa negeri. Pihak berkuasa negeri ialah majlis mesyuarat kerajaan negeri yang dipengerusikan oleh Menteri Besar. Sekiranya pilihanraya PBT dijalankan,

kepentingan pilihanraya peringkat negeri semakin berkurang. Situasi ini juga menjadikan pengaruh kerajaan negeri dan ADUN akan semakin mengecil. Hal ini kerana jika wujud pilihanraya PBT, kerajaan negeri perlu mengurangkan campur tangan kerana akauntabiliti PBT akan berpindah kepada ahli majlis PBT yang dipilih dalam pilihanraya PBT. Bagi negeri-negeri yang mempunyai sultan, autoriti sultan ke atas pentadbiran kerajaan tempatan semakin berkurang. Sultan tidak berhak campur tangan dalam hal ehwal kerajaan tempatan kerana penggubalan akta 1976 telah memberikan kuasa autonomi kepada kerajaan tempatan untuk mentadbir secara sendirian. Bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai sultan seperti Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang dan Melaka, kerajaan tempatan akan diberikan kuasa autonomi yang lebih dalam menentukan polisi dan pentadbiran sendiri tanpa perlu terikat kepada sebarang polisi dan tindakan daripada kerajaan negeri.

2. Lebih banyak Majlis Bandaraya/Perbandaran yang strategik serta mempunyai pendapatan tinggi akan dikuasai oleh orang bukan Melayu. Sekiranya pilihan raya kerajaan tempatan dihidupkan semula, bandar-bandar strategik ini akan jatuh ke tangan bukan Melayu. Ini berdasarkan faktor kelebihan demografi yang dimiliki oleh kaum Cina dan India. Orang Melayu berisiko menerima kesan buruk hasil daripada polisi perbandaran yang tidak memihak kepada mereka.
3. Sebuah kerajaan Cina tempatan yang dikuasai oleh DAP akan wujud di bandar-bandar yang strategik. DAP menyasarkan agar lebih ramai wakil mereka menjadi Datuk Bandar. Apabila mereka menguasai posisi Datuk Bandar ini, hasil kekayaan kerajaan tempatan dapat

dimonopoli. Ini kerana pelaburan luar dan penjanaan sektor ekonomi banyak tertumpu di bandar-bandar yang strategik ini. Polisi-polisi perbandaran juga memihak kepada kroni-kroni DAP dengan penganugerahan tender dan kontrak pembinaan infrastruktur.

### **Rumusan**

Kesimpulannya, usaha menghidupkan semula pilihan raya PBT meningkatkan risiko wujudnya sebuah kerajaan cina tempatan dikuasai DAP dan melemahkan kuasa kerajaan negeri serta autoriti sultan dalam pentadbiran kerajaan tempatan. Usaha ini dilihat sebagai salah satu strategi untuk merombak semula status quo politik orang Melayu dengan menghapuskan peranan sultan dalam kerajaan tempatan dan membuka ruang penyertaan yang lebih luas kepada bangsa bukan Melayu ke dalam penglibatan politik dan penentuan polisi.

# Penswastaan Sektor Perkhidmatan Awam di Malaysia: Kerajaan Baru dikuasai oleh Para Pemodal Kapitalis Swasta

*Oleh: Asyraf Farique*

## **Pendahuluan**

Menurut Bank Dunia, 'penswastaan' adalah bentuk paling sempurna bagi desentralisasi kuasa kerana berlakunya perpindahan kuasa dan tanggungjawab penuh daripada sektor awam kepada sektor swasta. Melalui perpindahan ini, kuasa dan peranan kerajaan semakin dikecilkan. Tugas kerajaan dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat telah diberikan kepada entiti lain seperti entiti perniagaan, kumpulan masyarakat sivil dan seumpamanya.

Di Malaysia, dasar penswastaan diperkenalkan pada zaman Tun Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri ke-4. Hasrat kerajaan untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi telah menggalakkan lagi dasar penswastaan ini. Hal ini kerana, penswastaan adalah prasyarat dalam memenuhi kriteria yang diberikan oleh badan kelola antarabangsa seperti Bank Dunia dan IMF untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi melalui usaha liberalisasi ekonomi.

Pertambahan jumlah sektor perkhidmatan awam yang diswastakan oleh kerajaan seperti sektor telekomunikasi, tenaga, pengangkutan, infrastruktur, kesihatan, pendidikan dan lain-lain meningkat dari tahun ke tahun. Ini membuka ruang kepada para pemodal kapitalis swasta untuk turut serta dalam proses penswastaan ini dengan menguasai



pemilikan dalam syarikat-syarikat milik kerajaan yang telah diswastakan.

## **Dasar Penswastaan dan Negara Berpendapatan Tinggi**

### **Dasar Penswastaan di Seluruh Dunia**

Penswastaan boleh ditakrifkan sebagai langkah atau proses yang menghasilkan pemindahan aset atau perusahaan awam secara seluruhnya atau sebahagiannya, yang dimiliki sama ada secara langsung atau tidak langsung oleh kerajaan kepada sesebuah badan yang bukan kerajaan. Ini boleh berlaku melalui pelbagai bentuk dan cara. Kaedah paling biasa dilakukan melalui memperbadankan syarikat milik kerajaan kepada pelabur swasta. Dari sudut ini, penswastaan merupakan sesuatu yang bertentangan dengan nasionalisasi.

Kemelesetan ekonomi dunia yang dialami oleh negara membangun pada era sekitar 90-an itu telah memaksa mereka menerima dasar penswastaan yang dipelopori oleh para elit global kapitalis Yahudi. Bagi meningkatkan produktiviti dan tahap pendapatan negara, negara-negara membangun ditekan supaya meliberalkan ekonomi mereka dengan skala yang lebih luas ke arah pasaran bebas. Hal ini supaya negara-negara terbabit tunduk kepada kuasa pasaran dan disiplin pasaran.

USAID (*United States Agency of International Development*) pada ketika itu telah mengeluarkan arahan yang menghendaki supaya pegawainya di Afrika terlibat dengan sekurang-kurangnya dua aktiviti penswastaan bagi tahun 1987. Di rantau Asia dan Asia Timur, konsep penswastaan mendapat tempat dalam agenda kerajaan apabila perwakilan dari Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia dan agen-agen bantuan yang lain mula menyebarkan konsep penswastaan.

## **Tahap-tahap dan proses penswastaan**

Proses penswastaan aset kerajaan merangkumi tiga fasa dan tiga tahap berbeza. Fasa pertama adalah penswastaan industri pembuatan milik kerajaan dan institusi kewangan (bank dan syarikat insurans). Fasa kedua melibatkan penswastaan utiliti, infrastruktur utama masyarakat. Ini melibatkan sektor seperti tenaga, air, telekomunikasi, servis pos dan perkhidmatan kereta api. Fasa ketiga adalah penswastaan sektor-sektor keperluan asasi rakyat seperti kesihatan, pendidikan, khidmat sosial, skim persaraan dan lain-lain.

Tahap-tahap penswastaan dibahagikan kepada tiga. Tahap pertama adalah proses liberalisasi dan nyahkawalan (*deregulation*) pasaran. Tahap kedua pula ialah proses transformasi agensi awam kepada syarikat kerjasama awam (*publicly owned joint-stock companies*). Manakala tahap terakhir adalah penjualan saham-saham milik kerajaan kepada syarikat swasta.

## **Sejarah Dasar Penswastaan di Malaysia**

Penswastaan di Malaysia bermula sejak tahun 1983 pada era pemerintahan Tun Dr Mahathir. Dasar penswastaan diperkenalkan sebagai usaha untuk memenuhi kriteria antarabangsa ke arah mencapai negara berpendapatan tinggi.

Menurut Garis Panduan Penswastaan yang dikeluarkan oleh Unit Perancangan Ekonomi pada tahun 1985, objektif penswastaan adalah untuk melancarkan pentadbiran dan pengurusan sektor-sektor perkhidmatan awam, membiayai beban kewangan dan pentadbiran oleh kerajaan dalam mengambil alih dan mengekalkan rangkaian perkhidmatan dan pelaburan infrastruktur. Penswastaan juga

mewujudkan persaingan dan meningkatkan produktiviti, mempercepatkan kadar pertumbuhan ekonomi negara serta mengurangkan karenah birokrasi.

Walau bagaimanapun, dasar ini menerima kritikan hebat kerana hanya menguntungkan kroni-kroni Tun Mahathir dan tidak banyak membantu golongan bumiputera meningkatkan tahap pendapatan dan ekonomi mereka. Selain itu, dasar ini juga menjadi punca meningkatnya kos penggunaan kepada masyarakat awam.

### **Penglibatan Syarikat Multinasional Antarabangsa dan Pertambahan Sektor Perkhidmatan Awam yang diswastakan**

Dasar penswastaan yang dilaksanakan semenjak tahun 1983 banyak menguntungkan kroni-kroni Tun Dr Mahathir. Majoritinya adalah syarikat-syarikat Cina dalam pelbagai bidang perkhidmatan. Namun, sejauh manakah dasar penswastaan ini meningkatkan pemilikan asing ke atas syarikat-syarikat milik tempatan?

Kajian menunjukkan dasar penswastaan yang dijalankan oleh kerajaan meningkatkan pemilikan asing ke atas syarikat-syarikat milik tempatan. Berdasarkan data yang dikumpulkan melalui 75 buah syarikat tempatan yang menduduki tangga teratas (berdasarkan nilai *market capitalization*) dalam Bursa Saham Malaysia, syarikat pelaburan antarabangsa Vanguard mempunyai nilai pemilikan lebih daripada USD 5 billion bersamaan RM 21.4 bilion. Sebuah lagi syarikat pelaburan antarabangsa Blackrock mempunyai nilai pemilikan sebanyak USD 3.1 bilion bersamaan RM 12.8 bilion.

Pemilikan syarikat pelaburan antarabangsa ini merangkumi

pegangan dalam syarikat-syarikat tempatan seperti Tenaga Nasional Berhad, Telekom Berhad, Petronas Dagangan Berhad, Pos Malaysia Berhad, Axiata, IHH dan lain-lain. Jumlah ini tidak termasuk syarikat-syarikat multinasional asing lain yang turut memiliki pegangan dalam syarikat-syarikat swasta milik kerajaan atau syarikat swasta yang dianugerahkan projek penswastaan oleh kerajaan.

### **Penjualan Aset Kerajaan sebagai langkah Penswastaan**

Sejak Pakatan Harapan mengambil alih tampuk pemerintahan negara, sebanyak RM20 bilion aset negara telah dijual kepada entiti swasta. Antaranya adalah pegangan dalam IHH Berhad (RM8.42 bilion), Sapura Upstream (RM3.7 bilion), Acibadem Sigort (RM1.25 bilion), Telco M1 (RM1.65 bilion), saham TNB (RM1.05 bilion), Boustead Plantation (RM1.2 bilion), Axiata Digital (RM0.579 bilion), BDO Unibank (RM0.415 bilion), CIMB (RM0.364 bilion), Hotel Royale Chulan (RM0.197 bilion), serta bangunan Konsulat di Hong Kong yang telah pun mempunyai pembeli dari China (RM1.6 bilion). Selain itu, di bawah Pakatan Harapan, FGV dan Tabung Haji juga cuba menjual aset ladang sawit bernilai RM4.13 bilion di Kalimantan, Indonesia.

Ada pihak yang mengatakan bahawa langkah itu adalah untuk membayar semula hutang-hutang negara, dan ada pihak yang berpendapat bahawa langkah itu adalah untuk menghapuskan asset-asset tidak strategik milik negara dan menukar kepada aset yang lebih strategik seperti melabur dalam teknologi kecerdasan buatan (AI). Namun, dalam kerangka penswastaan, langkah ini sebenarnya merupakan satu strategi untuk meliberalkan ekonomi negara ke dalam sistem pasaran bebas, iaitu dengan menjual pemilikan aset milik negara kepada entiti swasta.

## Implikasi Dasar Penswastaan

1. Bagi mencapai status negara maju yang berpendapatan tinggi (berdasarkan piawaian badan tatakelola ekonomi antarabangsa seperti Bank Dunia dan IMF) Malaysia telah meliberalkan ekonomi ke arah negara pasaran bebas melalui mekanisme penswastaan. Hal ini dapat dilihat melalui tindakan Tun Dr Mahathir yang meneruskan dasar penswastaan dengan mengecilkan saiz penjawat awam yang rata-ratanya Melayu untuk diserap ke dalam sektor swasta. Selain itu, penjualan aset-aset negara ke tangan pihak swasta dilihat sebagai satu langkah untuk mempercepatkan proses penswastaan. Melalui langkah ini, kerajaan memiliki kuasa terhadap dan tidak berhak campur tangan. Ekonomi negara ditentukan oleh kuasa dan kehendak pasaran yang dikawal oleh kelompok elit global kapitalis Yahudi.
2. Dalam kes Malaysia, dasar penswastaan yang dijalankan menguntungkan syarikat-syarikat kapitalis Cina tempatan seperti syarikat YTL, Berjaya Corp, IOI, Sunway Corporation, IJM dan Gamuda. Dasar penswastaan turut menguntungkan syarikat multinasional Yahudi seperti Vanguard dan Blackrock. Syarikat-syarikat bumiputera sangat sedikit mendapat manfaat daripada penswastaan ini. Kebanyakannya dimonopoli oleh Syed Mokhtar Bukhari dan kroni-kroni Tun Dr Mahathir sahaja.
3. Sosioekonomi orang Melayu menjadi semakin lemah kesan daripada dasar penswastaan ini. Kesan daripada ketiadaan modal yang besar akibat daripada dasar ekonomi yang menindas, orang Melayu gagal bersaing dalam pentas pasaran bebas. Penglibatan orang Melayu hanya sekadar menguruskan syarikat-syarikat milik kerajaan yang telah diswastakan dan bukannya ke arah membina kekayaan sendiri.

Selain itu, orang Melayu sebagai pengguna turut terbeban dengan kos utiliti yang semakin meningkat saban tahun. Keperluan-keperluan asasi seperti air, elektrik, petroleum, telekomunikasi dan pendidikan akan terus meningkat dari tahun ke tahun. Majoriti orang Melayu masih berada pada paras kemiskinan tidak dapat menanggung keperluan-keperluan asasi yang meningkat saban tahun.

### **Rumusan**

Kesimpulannya, penswastan sektor perkhidmatan awam di Malaysia mengecilkan kuasa dan peranan kerajaan. Tugas kerajaan dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat telah diberikan kepada para pemodal kapitalis swasta. Pemodal kapitalis swasta akan menjadi semakin berkuasa dalam menentukan hala tuju pentadbiran sesebuah kerajaan dalam beberapa bidang yang telah diswastakan. Dasar yang digubal dalam setiap bidang yang diswastakan akan pro kepada para pemodal ini. Negara akan bertukar fungsi menjadi sebuah syarikat yang dikawal oleh ahli lembaga pengarah syarikat kapitalis. Matlamat utama mereka adalah untuk mengaut keuntungan melalui setiap servis yang diberikan kepada rakyat. Akibatnya, kerajaan tidak lagi berdaulat kerana terikat dengan kepentingan para pemodal kapitalis ini. Rakyat akan dieksploitasi dan terpaksa mengikut sistem peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak kapitalis swasta.

# Desentralisasi Pendidikan bakal memperkukuh 'Malaysian Malaysia', ancaman kepada Identiti Melayu

Oleh: Aiman Faudzi

## Pendahuluan

Desentralisasi kuasa dan autoriti adalah antara isu yang sering di bincangkan dalam akhbar-akhbar setelah kerajaan PH memerintah pada Mei 2018. Dalam banyak isu yang berkait wacana desentralisasi ini, desentralisasi pendidikan adalah antara teras utama yang perlu diberi perhatian kerana tuntutan pelaksanaannya digesa secara agresif.

Implikasi yang paling kritikal yang muncul daripada desentralisasi pendidikan ini adalah pengukuhan naratif 'Malaysian Malaysia' yang dibawa oleh DAP. Idea '*Malaysian Malaysia*' yang berteraskan idea '*multiculturalism*' membawa ancaman kepada status quo Malaysia yang masih berteraskan Melayu. Selain itu, desentralisasi pendidikan ini secara tersiratnya merupakan usaha kaum Cina untuk menarik dana kerajaan bagi menampung hasrat keperluan pendidikan Cina di institusi pendidikan swasta. Selain itu, kesan sosial yang boleh berlaku ialah peningkatan jurang dalam strata sosial mengikut kaum dan geografi.

## Latar Belakang

Desentralisasi Pendidikan sebenarnya merupakan isu yang sudah dibincangkan sejak tahun 2012 pada era pemerintahan kerajaan Barisan Nasional. Kementerian Pendidikan dalam Malaysia Education Blueprint 2013-2015 telah menggariskan 3 fasa kepada desentralisasi autoriti

pendidikan. Ia akan memberikan lebih autonomi kepada pejabat PPD dan pegawainya dalam menentukan polisi pendidikan bagi sekolah di bawah autoritinya. Perkara ini telah ditolak pertubuhan Aliran dan Ideas dengan alasan ianya bukanlah suatu desentralisasi tetapi hanyalah suatu proses 'deconcentration' (penumpuan kuasa/pengaruh) yang bertujuan mengagihkan kuasa kepada institusi di bawah kementerian tetapi tidak memberi autonomi serta sumber secara total kepada sekolah.

Pada era kerajaan PH, Dr. Maszlee Malik (Menteri Pendidikan) telah mengeluarkan kenyataan bahawa pendekatan *top-down* dan *one-size-fits-all* yang diguna pakai Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak lagi relevan<sup>1</sup>. KPM akan berusaha untuk memberikan autonomi kepada sekolah dan komuniti masyarakat untuk menentukan hala tuju serta kandungan pendidikan yang dirasakan perlu. Menurutinya setiap komuniti memahami keperluan pendidikan bagi diri mereka. Autonomi juga tidak terbatas hanya kepada soal pengurusan, tetapi juga sumber kewangan serta tenaga pengajar yang dirasakan signifikan dalam proses pembelajaran.

Presiden sebuah institut swasta liberal di Malaysia, Woo Wing Thye<sup>2</sup>, telah menggariskan beberapa masalah utama yang menuntut kepada keperluan desentralisasi. Antaranya ialah 1) banyak subjek yang ditumpukan bagi memenuhi kehendak politik (sejarah mengikut naratif ketuanan Melayu kerajaan BN; 2) pendidikan Islam dan sejarah Malaysia yang sekaligus mengurangkan sumber pembelajaran dalam kemahiran membaca, matematik dan sains; 3) standard kurikulum yang rendah

---

<sup>1</sup> <https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2019/01/14/outlining-his-education-vision-maszlee-talks-of-character-building-autonomy/>

<sup>2</sup> Presiden kepada Jeffrey Cheah Institute on South East Asia



dalam kerajaan pusat; 4) dan kompetensi kualiti guru-guru. Permasalahan dan tuntutan Woo Wing Thye ini turut menjadi tuntutan pihak lain seperti Aliran dan Ideas.

Mengulas berkenaan isi pertama dalam tuntutan Woo Wing Thye ini, kesan utama desentralisasi pendidikan ini bakal membawa perubahan besar kepada naratif persekutuan yang berubah dari kebangsaan Melayu kepada berteraskan multikulturalism yang merupakan konsep kebangsaan dalam 'Malaysian Malaysia.' Naratif dan konsep ini yang akan diajar serta dipegang oleh generasi mendatang.

Selain itu, beliau menuntut supaya kuasa kerajaan pusat dalam menentukan hala tuju sekolah dan pengurusan bajet pendidikan diberikan kepada kerajaan negeri. Ini merangkumi hala tuju pelbagai jenis sekolah yang ada. Selain itu, sekolah kebangsaan dituntut supaya memiliki beberapa subjek teras sahaja, manakala subjek selebihnya diserahkan kepada kehendak sekolah dan permintaan ibu bapa. Teras subjek adalah Bahasa Malaysia, matematik dan sains manakala subjek relatif yang memerlukan perbincangan dengan komuniti setempat adalah seperti subjek sejarah Malaysia, sejarah dunia, agama, sivik dan geografi yang akan ditentukan pembelajarannya pada kadar yang wajar sahaja.

Isu ini menjadi perbincangan sejauhmana campur tangan ibu bapa serta masyarakat dalam memilih subjek yang dirasakan perlu untuk anak mereka? Malah terdapat desakan supaya bidang pendidikan didesentralisasikan oleh kerajaan dengan cara setiap ibu bapa diberikan voucher pendidikan dan boleh memilih kurikulum yang dirasakan perlu untuk keperluan anak mereka.

## **Implikasi Politik: Membina Naratif 'Malaysian Malaysia' berteraskan multikulturalisme dalam Identiti Negara**

Dalam konteks politik, desentralisasi pendidikan boleh memberi kelebihan kepada DAP dalam memperkukuhkan idea Malaysian Malaysia sebagai identiti kepada negara ini dan keluar daripada identiti persekutuan yang memberi keistimewaan kepada Melayu dan Islam. 'Malaysian Malaysia' atau konsep Bangsa Malaysia merupakan sebuah konsep persekutuan berteraskan '*multiculturalism*' yang memberi kedudukan sama rata kepada semua bangsa di Malaysia. Ia merupakan idea yang wujud pada awal tahun 1960-an oleh gabungan parti-parti politik yang menentang Perkara 153 yang memberikan kedudukan istimewa kepada orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan. Sehingga kini, DAP adalah parti yang konsisten memperjuangkan idea ini.

Sehubungan dengan itu, antara usaha utama yang telah dilaksanakan oleh kerajaan PH khususnya DAP dalam membina naratif ini adalah dengan rombakan kandungan mata pelajaran sejarah Malaysia. Perkara ini selari dengan apa yang digariskan oleh Woo Wing Thye yang menyebut agenda utama dalam desentralisasi pendidikan adalah untuk '*depoliticise school curriculum*' atau menyahpolitikkan kurikulum sekolah yang didakwa telah mengukuhkan kuasa UMNO-BN. Perkara ini turut diungkapkan oleh pertubuhan Aliran dan Ideas.

Usaha menulis semula sejarah Malaysia mula dibincangkan seawal Julai 2018 dalam sebuah forum di Dewan Perniagaan Cina dengan tajuk "*Should We Rewrite Our History Book?*" telah diadakan di Dewan Perniagaan Cina Kuala Lumpur untuk mengangkat naratif gerakan komunis sebagai aktor utama dalam perjuangan kemerdekaan negara. Dalam

perkembangan terbaru pada 18 Julai 2019, KPM didakwa memansuhkan kandungan berkaitan pendudukan Jepun, ancaman Parti Komunis Malaya serta Darurat 1948 dalam buku teks sejarah Tingkatan Tiga.

Tujuan penulisan semula sejarah negara dikatakan perlu kerana didakwa terlalu mengangkat naratif Melayu dan Islam yang memberi keabsahan kepada kuasa Barisan Nasional (BN), serta kurang mewakili kumpulan minoriti lain seperti Cina, India dan Sikh di Malaysia.

Pada 28 Februari 2019, terdapat sebuah kumpulan ahli sejarah yang ditubuhkan bagi menulis semula sejarah negara yang akan digunakan sebagai kurikulum nasional Malaysia. Kumpulan tersebut terdiri daripada Ranjit Singh Malhi selaku perunding pengurusan, Sivachandralingam Sundara Raja yang sebelum ini merupakan bekas Ketua Jabatan Sejarah UM, dan dua orang editor iaitu Khoo Kay Kim dan Shamsul Amri Baharuddin.

Dalam sebuah program bertajuk "*A Textbook Problem of What's Wrong With Our Education*", Ranjit Singhmegnulas lanjut di mana kumpulan tersebut bukan sahaja akan menilai semula sejarah pendidikan negara bahkan akan mencabar interpretasi perkara-perkara yang bersifat struktural dalam Perlembagaan Persekutuan. Hasil penulisan buku sejarah dari kumpulan ini akan diterbitkan sebagai sebuah buku sejarah Malaysia dalam bahasa Inggeris serta buku sejarah bagi setiap tingkatan 1 hingga tingkatan 5 bagi sekolah menengah.

Implikasi desentralisasi pendidikan khususnya yang berupaya merubah naratif persekutuan merupakan sesuatu perkara yang merisaukan. Sehingga kini tiada lagi kumpulan yang mengikuti dan melihat isu ini secara serius. Hal ini memberikan lebih kebebasan kepada

entiti yang ingin merubah naratif persekutuan ini. Justeru itu, suatu usaha yang konstruktif perlu direncanakan bagi menghalang usaha ini.

### **Implikasi Ekonomi: Campur Tangan Kapitalis dalam Pendidikan, Dana Kerajaan diagih untuk pendidikan Cina**

Dari sudut ekonomi, desentralisasi pendidikan membawa kepada peruntukan dana kerajaan diagihkan bagi tujuan pendidikan orang cina. Selain itu ia membuka ruang untuk campur tangan kapitalis dalam pendidikan di Malaysia.

Menyentuh mengenai dana kerajaan diagih untuk pendidikan orang Cina, perkara ini boleh dibaca secara tersirat dalam cadangan desentralisasi fiskal pendidikan oleh pertubuhan Aliran.<sup>3</sup> Pertubuhan itu menggesa pengecilan autoriti kerajaan pusat dengan pemberian lebih autonomi kepada sekolah khususnya sekolah-sekolah yang terletak di bandar dan pelajar dari kelompok kelas pertengahan.<sup>4</sup> Perkara ini boleh difahami secara tersiratnya sebagai suatu usaha kaum Cina khususnya yang menduduki kawasan bandar untuk menentukan sendiri pendidikan mereka setelah mereka mendapat dana daripada kerajaan serta dokongan dari kelompok kapitalis.

Selama ini, ruang untuk menentukan kandungan pendidikan kepada pelajar Cina tidak dapat ditentukan di sekolah kebangsaan kerana kekangan sistem persekutuan. Ia hanya mampu dibuat di sekolah swasta oleh kaum Cina. Dengan persetujuan dasar pendidikan yang baru di

---

<sup>3</sup> Aliran merupakan persatuan yang banyak melobi dalam mempersiapkan laporan Institutional Reform Committee (IRC)

<sup>4</sup> <https://aliran.com/aliran-csi/centralised-federalism-in-malaysia-urgent-need-to-decentralise/>

bawah KPM, kini mereka tidak lagi perlu membelanjakan wang yang besar kerana perkara tersebut akan dibiayai oleh kerajaan seperti yang dituntut dalam desentralisasi pendidikan.

Dengan cara ini, kementerian disarankan mengubah fokusnya dengan memberikan lebih perhatian dan pengurusan dana kepada sekolah yang terletak di kawasan pinggir bandar atau luar bandar yang tidak mempunyai sokongan kuat komuniti masyarakat setempat dan ibu bapa. Perkara ini meningkatkan lagi jurang antara kaum khususnya yang tersisih dalam pertumbuhan pesat perbandaran selain meningkatkan jurang antara kawasan bandar dan luar bandar.

Campur tangan syarikat kapitalis dalam pendidikan negara boleh dilihat dalam cadangan yang dilaporkan oleh akhbar *The Edge*. Antara kayu ukur kepada negara moden adalah pelaksanaan desentralisasi fiskal dalam pendidikan. Ia bermaksud pengecilan autoriti kerajaan menguruskan sendiri dana pendidikannya manakala kelompok syarikat kapitalis mengambil sebahagian tanggungjawab kerajaan dalam membina institusi pendidikan<sup>5</sup>.

Menurut pertubuhan Aliran model pendidikan Finland yang dikatakan boleh digunapakai di Malaysia adalah sebuah model autonomi pendidikan yang bukan sahaja mengambil kira penglibatan ibu bapa dan komuniti masyarakat tetapi juga penglibatan kelompok 'philanthropist' atau golongan kapitalis melalui sumbangan dana dan keperluan dalam industri. Antara contoh yang dibawa adalah seperti Sunway University yang dimiliki oleh Syarikat Sunway. Namun begitu, dari sudut pelaksanaan secara meluas di negara ini yang melibatkan institusi pendidikan bawah

---

<sup>5</sup> <https://www.theedgemarkets.com/article/decentralise-education-system-solve-skills-mismatch-%E2%99%A2>

KPM masih lagi menjadi tanda tanya dalam isu desentralisasi fiskal bagi pendidikan.

### **Implikasi Desentralisasi Pendidikan kepada Orang Melayu**

Secara ringkasnya, desentralisasi pendidikan akan memberikan identiti baru bagi negara, mengaut dana kerajaan dan swasta, serta berupaya menentukan hala tuju serta tenaga guru sendiri yang kesemua ini akan menguntungkan orang Cina. Ia bakal memberikan peluang pendidikan yang baik kepada bangsa Cina di Malaysia ini.

Orang Melayu tidak dapat menikmati pendidikan seperti ini kerana pelan desentralisasi ini dilihat bersifat perkauman selain kadar keciciran pendidikan yang tinggi dan tekanan ekonomi yang membelenggu banyak keluarga Melayu. Syarikat-syarikat yang menjana ekonomi yang besar tidak memihak kepada pendidikan bangsa Melayu kerana banyak syarikat-syarikat ini dikuasai kaum Cina.

Dari sudut geografi, kita boleh melihat orang Melayu semakin dipinggirkan daripada kepesatan perbandaran. Pelan pendidikan Cina di bandar dengan dana dan hala tuju pendidikan sendiri akan lebih bersifat dinamik dan menghasilkan pendidikan yang mampu membawa kaum Cina sentiasa berkembang selari dengan perkembangan semasa. Pendidikan luar bandar pula kekal diuruskan federal yang dilihat tidak mempunyai kadar dinamik yang tinggi untuk mengejar kepesatan perkembangan global. Jika dinilai secara keseluruhan, perkara ini akan membawa kepada orang Melayu tidak layak untuk bersaing dalam bidang ekonomi dan tidak melayakkannya untuk kekal memegang status quo kuasa kerana kekurangan yang ada dalam pendidikan yang menjadi asas penguasaan kepada dua bidang itu.

## **Rumusan**

Secara kesimpulannya, desentralisasi pendidikan akan membuka ruang yang besar bagi pengukuhan naratif *'Malaysian Malaysia'* yang dibawa oleh DAP. Selain itu, desentralisasi pendidikan ini membolehkan kaum Cina menarik dana kerajaan bagi menampung hasrat keperluan pendidikan cina yang selama ini berkisar dalam institusi pendidikan swasta. Kelompok kapitalis juga akan memiliki banyak pintu-pintu peluang untuk campur tangan dalam pendidikan Malaysia. Kesemua ini akan mewujudkan kesan sosial yang akan meningkatkan lagi jurang dalam strata sosial mengikut kaum dan geografi. Orang Melayu akan semakin ketinggalan dalam ekonomi dan pendidikan.

# Isu Federalisme Malaysia: Memahami aktor dan tuntutan dalam isu pemisahan Sabah dan Sarawak

*Oleh: Aiman Faudzi*

## **Pendahuluan**

Penulisan ini bertujuan menerangkan isu federalisme yang melibatkan konflik Sabah dan Sarawak dalam persekutuan Malaysia. Dalam soal ini, isu politik kepulauan Borneo menunjukkan campur tangan pelbagai entiti politik dalaman dan luaran, yang mengancam keutuhan persekutuan Malaysia. Penulisan ini juga akan menerangkan kepelbagaian aktor yang wujud dalam isu federalisme ini. Memahami kepelbagaian jenis aktor dan tuntutan terhadap Sabah serta Sarawak dalam isu federalisme ini membantu pembaca mengikuti perkembangan ini dengan betul.

## **Latar Belakang**

Politik Sabah dan Sarawak mempunyai kesan yang besar dalam menentukan hala tuju federalisme Malaysia. Dalam Pilihanraya Umum, tuntutan dan kerusi parlimen Sabah dan Sarawak mampu menjadi penentu kepada siapa yang akan menduduki kerusi pemerintahan di peringkat pusat.

Kepelbagaian aktor dalam isu hubungan kerajaan pusat dengan Sabah dan Sarawak merupakan sesuatu yang masih dikaji. Namun begitu, secara umum kelompok yang terlibat dalam isu ini boleh dikategorikan kepada dua kumpulan yang utama. Kelompok yang pertama merupakan gerakan



yang ingin menuntut lebih autonomi demi memajukan Borneo, manakala kelompok kedua merupakan gerakan separatis/pemisah dengan agenda utama iaitu memisahkan Sabah dan Sarawak sepenuhnya dari persekutuan Malaysia. Di antara dua kelompok itu terdapat gerakan-gerakan proksi bagi pihak tertentu, yang menggunakan agenda separatisme untuk kepentingan tertentu.

### Kategori Aktor

Jenis kelompok	Sabah	Sarawak
<b>Gerakan Pemisah/ Separatis</b>	Jeffrey Kitingan, Maximus Ongkili ( Parti PBS) dan individu yang ditangkap dalam operasi Talkak 1990	Sarawak Baru – gabungan parti STAR, TERAS, SWP dan PBDSB
<b>Gerakan menuntut tambahan autonomi</b>	Parti UMNO Sabah dan Parti Warisan	GPS – Gabungan parti PBB, PRS, SUPP, dan PDP
<b>Gerakan Proksi (menggunakan agenda separatis untuk kepentingan tertentu)</b>	Tiada maklumat	PBK (proksi DAP), SAPA (proksi PKR), dan Parti S4S/Sarexit (proksi GPS)

### Kategori Tuntutan

Indikator	Status Quo (Situasi Semasa)	Tuntutan Gerakan Pemisahan	Tuntutan Gerakan Autonomi
<b>Status hubungan negeri dengan pusat</b>	Sabah dan Sarawak adalah negeri di bawah Malaysia	Malaysia terdiri daripada persekutuan 3 negara (Sarawak, Sabah dan Malaysia)	Negeri berkuasa ke atas semua perkara melainkan pertahanan dan dasar luar di bawah kerajaan pusat

<b>Pembangunan</b>	Pusat menyalurkan kepada Sarawak sebanyak RM 4.3 Bilion per tahun. dan kepada Sabah sebanyak RM 5 bilion per tahun.	Sabah dan Sarawak menguruskan pembangunan sendiri	Pindaan perlembagaan yang menuntut autoriti untuk membangunkan projek pembangunan negeri
<b>Penentuan Bajet Kewangan</b>	Pusat menyalurkan kepada Sarawak sebanyak RM 4.3 Bilion per tahun dan kepada Sabah sebanyak RM 5 bilion per tahun	Kawalan penuh ke atas kewangan negeri tanpa campur tangan Semenanjung (sumber hasil Borneo untuk Borneo)	<b>Sarawak:</b> Kawalan penuh ke atas kewangan, dana pembangunan, tariff, cukai, dan hak meminjam. <b>Sabah:</b> Persekutuan tingkatkan pendapatan kepada Sabah sebanyak 40%
<b>Pembahagian kuasa</b>	<b>Sarawak:</b> 31 kerusi parlimen dan 2 orang menteri dari Sarawak <b>Sabah:</b> 25 kerusi parlimen dan 5 orang Menteri dari Sabah	Bilangan Perwakilan dan Jemaah Menteri dibahagikan sama rata antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak	<b>Sabah:</b> 1/3 bilangan ahli parlimen mesti terdiri daripada MP Sabah <b>Sarawak:</b> tiada maklumat
<b>Sumber Alam</b>	Petroleum Development Act; Kerajaan pusat beri 5% hasil pendapatan sumber galian	Tiada Maklumat	<b>Sarawak:</b> Pulangan hasil yang lebih tinggi <b>Sabah:</b> tuntutan 40% dari hasil galian bumi Sabah
<b>Pendidikan</b>	Mengguna pakai sistem Pendidikan persekutuan	<b>Sarawak:</b> Memperjuangkan sekolah Bahasa inggeris. <b>Sabah:</b> tuntutan kementerian pendidikan sendiri	Tiada Maklumat

## **Aktor dan tuntutan autonomi Sabah dan Sarawak**

Aktor yang menuntut kuasa autonomi di Sabah terdiri daripada ahli politik parti Warisan dan UMNO Sabah manakala di Sarawak pula terdiri daripada Gabungan Parti Sarawak (GPS) yang merupakan gabungan daripada parti PBB, PRS, SUPP dan PDP. Kumpulan ini adalah parti komponen kepada Barisan Nasional (BN). Mereka ini juga terdiri daripada individu yang mendapat manfaat melalui hubungannya dengan aktor politik di Semenanjung dan keutuhan federalisme Malaysia.

Dalam konteks status hubungan negeri dan pusat khususnya di Sarawak, kerajaan negeri menuntut supaya negeri berkuasa ke atas semua perkara kecuali pertahanan dan dasar luar berada di bawah kuasa persekutuan. Dari sudut pembangunan, rundingan sempadan tugas masih berlaku. Mereka memohon supaya kerajaan pusat mengambil serius isu pembangunan negeri di Borneo.

Dari sudut kewangan, tuntutan berkisar kepada peningkatan dana yang diperuntukkan oleh kerajaan pusat kepada kerajaan negeri. Kumpulan autonomi Sabah ada menggariskan tuntutan yang lebih spesifik dalam isu kewangan iaitu kawalan penuh ke atas kewangan, dana pembangunan, tariff, cukai, hak meminjam selain persekutuan serta pemulangan 40% daripada keuntungan hasil bumi kepada Sabah.

## **Aktor dan tuntutan separatisme Sabah dan Sarawak**

Gerakan pemisah atau separatis di Sabah terdiri daripada individu yang pernah ditangkap dalam Operasi Talkak 1990. Operasi ini adalah satu siri tangkapan melibatkan sekumpulan pemimpin di Sabah kerana berkomplot dalam perancangan membawa Sabah keluar daripada Malaysia. Tujuh daripada lapan orang yang ditangkap telah ditahan di bawah *Internal Security Act* (ISA) pada tahun 1990.

Suatu masa dahulu, mereka adalah pemimpin atau ahli dalam Persatuan Kebudayaan Kadazan (KCA), Institut Kajian Dasar Sabah (IDS), Yayasan Sabah dan daripada parti pembangkang, Parti Bersatu Sabah (PBS). Mereka pernah ditempatkan di bawah perintah penahanan selama dua tahun. Antara pemimpin yang terlibat adalah Jeffrey Kitingan dan Maximus Ongkili. Enam yang lain adalah Wencelous Damit Undikai, Albinus Yudah, Benedict Topin, Vincent Chung, Abdul Rahman Ahmad, Ariffin Hj. Hamid. Jeffrey Kitingan pernah mendakwa bahawa etnik Dayak di Sabah dan Sarawak boleh melaksanakan referendum tanpa persetujuan parlimen atas hujah hak penentuan sendiri atau '*self-determination*' yang diiktiraf oleh PBB.

Di Sarawak pula, aktor yang terlibat dalam usaha memisahkan Sarawak dari Persekutuan Malaysia adalah agak rencam. Secara ringkasnya terdapat dua kelompok aktor pemisah iaitu kumpulan pemisah sebenar dan kelompok proksi kepada parti-parti lain tetapi 'menunggang' agenda pemisahan. Kumpulan aktor pemisah sebenar adalah terdiri daripada gabungan parti STAR, TERAS, SWP dan PBDSB. Kelompok ini mempunyai kesinambungan perjuangan dengan gerakan Sarawak 4 Sarawakian (S4S) dan Sabah Sarawak Keluar Malaysia (SSKM). Antara pemimpin utama yang menonjol dalam kumpulan ini adalah Lina Soo dan John Peter Jaban yang banyak berhubung dengan Doris Jones dan Jeffrey Kitingan di Sabah.

Kumpulan pemisah ini mempunyai tuntutan yang agak radikal. Mereka menuntut status Persekutuan kepada Sabah dan Sarawak dengan menjadikan Sarawak, Sabah dan Malaysia adalah Negara Persekutuan. Mereka juga menuntut bilangan perwakilan dan bilangan Jemaah Menteri dibahagikan sama rata melalui persetujuan 3 buah negara. Perkara ini bukan sahaja merombak status quo secara besar-besaran dari sudut

undang-undang, ia turut memberi implikasi yang besar dari sudut politik dan geopolitik serantau. Dari sudut pembangunan dan dana, mereka menuntut supaya Sabah dan Sarawak mempunyai autoriti penuh dalam menentukan pengurusan hasil bumi dan pembangunan negeri.

### **Aktor Proksi berselindung di sebalik Gerakan Pemisah**

Gerakan atau aktor proksi ini dilihat wujud kerana terdapat paten yang menghubungkan kesemua aktor ini. Selain usaha mereka untuk mendekati kelompok separatis sebenar, hampir kesemua aktor proksi ini merupakan bekas anggota penting parti terdahulu sebelum mereka keluar dan menjadi pimpinan tertinggi parti baru.

Gerakan atau aktor proksi terdiri daripada entiti seperti Parti Bumi Kenyalang (PBK) yang merupakan proksi DAP, Sarawak Association for People's Aspiration (SAPA) yang merupakan proksi kepada PKR, dan parti Sarawak for Sarawakian (S4S) yang merupakan proksi kepada GPS. Parti S4S adalah berbeza dengan gerakan S4S di bawah Lina Soo. Walau bagaimanapun, hasrat dan agenda kepada kelompok proksi ini masih lagi menjadi tanda tanya.

Voon Lee Shan (berbangsa Cina), Presiden PBK, adalah bekas ahli DAP dan pengasas kepada *Special Investigation Squad* polis negeri. Menurut dakwaan Voon Lee Shan, berdasarkan laporan *Inter Governmental Committee* (IGC), Sarawak tidak memerlukan klausa khas dalam perlembagaan untuk keluar Malaysia. Apa yang perlu adalah melaksanakan deklarasi kemerdekaan seperti Kosovo dari Serbia yang diiktiraf dan dibantu oleh *International Court of Justice* (ICJ).

Dominique Ng Kim Ho yang berbangsa cina adalah bekas ahli PKR

yang sekarang ini merupakan presiden *Sarawak Association for People's Aspiration (SAPA)*. Beliau mendakwa bahawa Malaysia bukanlah entiti yang sah di sisi undang-undang. Beliau telah mengumpulkan sekumpulan 15 orang peguam bagi meneliti isu MA63 dengan terperinci.

Parti *Sarawak For Sarawakian (S4S)* yang telah mendaftarkan diri sebagai sebuah parti politik merupakan organisasi berbeza dengan gerakan sivil *Sarawak 4 Sarawakian (S4S)* atau Sabah Sarawak Keluar Malaysia (SSKM). Hal ini kerana individu yang mendaftarkan parti S4S adalah individu yang berbeza dengan gerakan radikal separatis yang sebenar. Parti S4S didaftarkan oleh tiga pimpinan utama iaitu Erick Chin, Jong Kim Joon dan Hanim Jaraee. Erick Chin merupakan pembantu khas kepada Datuk Lee Kim Shin dari parti SUPP manakala Hanim Jaraee sebelum ini merupakan pemimpin tertinggi parti SUPP Miri. Parti S4S telah menggunakan kaedah menuntut hak bernegara sendiri melalui Ordinan Referendum dan telah mengumpulkan sebanyak 270,000 tandatangan untuk diserahkan kepada Ketua Menteri pada ketika itu.

### **Negara Dayak: Manifestasi kesatuan agenda Separatis Sabah dan Sarawak**

Strategi menggunakan sentimen Dayak sebagai alat untuk memisahkan Sabah dan Sarawak dari Malaysia merupakan modus operandi baru kumpulan pemisah. Mereka menyasarkan penduduk Dayak dari Sarawak, Sabah dan Kalimantan. Gerakan membina kepulauan Dayak atau Negara Dayak telah diumumkan secara terbuka seawal tahun 2017 di Kongres *Dayak International & Eksibisi 1* oleh Jeffrey Kitingan, selaku Presiden kepada *Dayak International Justice Council*. Ketika persidangan itu, Kongres Dayak Internasional telah mengisytiharkan 7 protokol dan 7 deklarasasi Dayak yang bertujuan untuk meningkatkan sentimen kesatuan etnik Dayak di seluruh Borneo.

Pada 31 Mac 2019, Jeffrey Kitingan telah menyokong penangguhan pindaan Perkara 1(2) dalam sidang parlimen, supaya terdapat lebih masa bagi mengatur langkah untuk mengangkat Sabah dan Sarawak sebagai setaraf dengan negara Malaysia. Secara ringkasnya, Jeffrey Kitingan mencadangkan supaya 1) pindaan ke atas bendera Malaysia diubah bagi mencerminkan persekutuan 3 negara anggota dan bukan 13 negeri dan wilayah persekutuan; 2) pindaan ke atas Jawatan Yang dipertua Negeri Sabah dan Sarawak ditukar kepada “Yang Dipertua Negara” seperti pada tahun 1963; 3) menakrif semula maksud persekutuan dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu tahun 1957 hanya melibatkan Semenanjung dan bukannya Sabah dan Sarawak; 4) tiga negara anggota masing-masing diketuai seorang ketua negara anggota, dan harus ada seorang ketua negara Persekutuan untuk Malaysia; 5) Bilangan ahli parlimen, wakil-wakil rakyat dan senator-senator dan ahli jemaah menteri persekutuan, disemak semula bagi mencerminkan perkongsian sama taraf.

Selepas Jeffrey Kitingan meletakkan jawatan sebagai Presiden Dayak *International Justice Council*, Benedict Topin pula menggantikan tempat beliau. Benedict Topin meletakkan misi untuk menyelaraskan undang-undang etnik, supaya wujud undang-undang sejagat bagi semua etnik Dayak (yang mencecah 500 kumpulan etnik). Dalam perkembangan terbaru, Seminar Internasional dan Ekspedisi Napak Tilas Damai Tumbang Anoi diadakan sekali lagi pada 23 Julai 2019 di Kalimantan. Organisasi Dayak seluruh Kalimantan Tengah termasuklah Sabah dan Sarawak telah dijemput hadir.

Cubaan mewujudkan negara Dayak atau kepulauan Dayak merupakan suatu usaha untuk mengundang campur tangan institusi asing khususnya PBB. Dalam satu kenyataan oleh *Borneo Dayak Forum International* menyatakan usaha mengubah nama Borneo sebagai Pulau Dayak

dibenarkan oleh Deklarasi Hak-Hak Penduduk Pribumi PBB Nombor 61/295, tanggal 13 September 2007. Menurut PBK pula, Majlis Keselamatan PBB akan menghantar tentera sekiranya Negara Dayak Sarawak diserang setelah keluar daripada Persekutuan Malaysia.

### **Rumusan**

Dalam usaha memahami percaturan hubungan politik Sabah dan Sarawak dengan kerajaan pusat, masih terdapat banyak lagi perkara yang menjadi tanda tanya. Antaranya, siapakah aktor sebenar yang berselindung di sebalik aktor-aktor yang menjadi pemain utama dalam isu memisahkan Sabah dan Sarawak daripada Malaysia? Sejauh manakah sentimen pemisahan ini diterima oleh setiap aktor yang ada? Adakah setiap aktor mempunyai tujuan yang sama memisahkan Sabah dan Sarawak (cuma berbeza metode dan modus operandi; samada radikal atau bertahap)? Akhir sekali, pihak manakah yang akan beruntung jika situasi pemisahan ini berlaku; rakyat Borneo, atau pihak luar? Semua persoalan ini perlu diteliti untuk menjangka perkembangan seterusnya.

## **IRIS Institute**

Interdisciplinary Research and International Strategy

### **Bandar Baru Bangi**

No 6-23-3A, Jalan Medan,  
Pusat Bandar 8A, Bangi Sentral,

